

Buku biografi *Dr. Mahathir* *Menjulung Martabat Malaysia* dilancar

UM 29 SEP 2003
PUTRAJAYA 28 Sept. — Buku biografi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang bertajuk *Dr. Mahathir Menjulung Martabat Malaysia* dilancarkan oleh Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Dr. Mohamed Zahir Ismail di sini, malam ini.

Selain zaman persekolahan, buku tersebut juga memuatkan cerita-cerita mengenai Dr. Mahathir dari sudut pandangan adik-beradik, saudara-mara dan jiran beliau.

Buku tersebut ditulis oleh Pegawai Perpustakaan Negeri Kedah, Dr. Zahidi Zainol Rashid yang berasal dari kampung yang sama dengan Perdana Menteri.

Ia merupakan buku ketiga mengenai Perdana Menteri ditulis oleh Zahidi.

Sebelum ini Zahidi menghasilkan buku bertajuk *Dr. Mahathir Pada Pandangan Umum dan Che' Det dan Pekan Rabu*.

Dalam pada itu, Mohamed Zahir berkata, beliau menganggap buku tersebut mengisahkan riwayat Dr. Mahathir paling terperinci yang pernah ditulis kerana penulisnya seorang anak Alor Star yang sekampung dengan Perdana Menteri.

“Saya kagum dengan Zahidi kerana boleh tulis dengan terperinci riwayat Dr. Mahathir daripada kecil ke zaman persekolahan dan alam pekerjaan termasuk maklumat mengenai ibu bapa di samping datuk dan nenek Dr. Mahathir,” katanya.

Menurutnya, kandungan buku biografi bergambar itu banyak berkisar mengenai kehidupan Dr. Mahathir di rumahnya di No-18, Jalan Kilang Ais, Seberang Perak, Alor Star.

Buku berkenaan dijual pada harga RM50 bagi kulit lembut dan RM100 untuk kulit keras.